

# Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Bidang Sains Sosial/Sastera)

**Dr. Siti Nurazira Mohd. Daud**  
**(Universiti Sains Islam Malaysia)**

**KAJIAN** pengajar Universiti Sains Islam Malaysia, Dr. Siti Nurazira Mohd. Daud tentang peranan dan impak hutang luar terhadap pembangunan negara luar telah menemukan satu model pertumbuhan ekonomi yang boleh dijadikan asas dalam penggubalan serta dasar ekonomi bagi 31 negara membangun untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lestari termasuklah Malaysia.



Lulusan Doktor Falsafah Ekonomi daripada University of Southampton, United Kingdom ini telah membuat kajian ke atas data sekunder yang sahih yang diperolehi daripada Bank Dunia, World Development Indicator, Global Development Finance dan IMF.

Analisis yang dilaksanakan amat menyeluruh dan *robust* termasuklah pelaksanaan empat jenis ujian diagnostik untuk mengenal pasti kewujudan auto-korelasi spatial bagi residual daripada model yang dibangunkan.

Hasil kajian ini memberi penanda aras kepada pelabur mengenai kemampuan sesuatu negara untuk membayar pinjamannya di masa hadapan.

Oleh sebab makalah ini memberi impak besar dalam pembangunan ekonomi masyarakat sejagat maka Siti Nurazira diumumkan penerima Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Bidang Sains Sosial/Sastera) untuk 2012.